

PERKAHWINAN DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

¹Wan Nor Adibah Wan Ahmad, ²A`dawiyah Ismail & ³Ahmad Irdha Mokhtar
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Email: adibahahmad@gmail.com; ada@ukm.edu.my, irdha@ukm.edu.my

Abstrak -Keluarga merupakan tunjang kepada pembentukan masyarakat dan negara bagi kesinambungan umat manusia. Maka Islam telah menetapkan sistem dan peraturan dalam institusi keluarga bagi memastikan pembentukan umat sejajar dengan perintah Allah SWT. Sehubungan itu, perkahwinan yang menepati syarak adalah komponen paling asas dalam proses pembentukan keluarga, masyarakat dan negara keseluruhannya. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengkaji perkahwinan dari perspektif maqasid syariah dalam memelihara institusi keluarga untuk membangunkan umat seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang dipersembahkan secara deskriptif. Data dianalisis melalui analisis kandungan yang terdiri dari kitab primer dan sekunder serta jurnal kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati maqasid syariah dalam perkahwinan menepati fitrah manusia, melahirkan zuriat dan keturunan, mewujudkan mawaddah dan sakinah, melahirkan tadayyun dalam keluarga serta mengembangkan masyarakat dan umat manusia. Implikasi kajian dapat membantu ibu bapa memahami maqasid perkahwinan yang disyariatkan Allah SWT dalam memelihara institusi keluarga sejajar dengan perintah Allah SWT.

Kata Kunci: Perkahwinan, Keluarga, Maqasid Syariah

I. PENDAHULUAN

Keluarga merupakan institusi utama berperanan dalam mendidik manusia menjadi insan rabbani. Keluarga juga berfungsi sebagai sumber tenaga manusia melahirkan keturunan sebagai penentu kesinambungan umat manusia. Kehidupan manusia bermula dengan pasangan suami isteri serta berkembang meliputi anak-anak, ibu bapa dan datuk nenek juga saudara mara yang dekat dan jauh (Nor Azman & Salasiah 2010). Maqasid pemeliharaan institusi keluarga secara umumnya bertujuan memelihara sistem ummah. Asas pemeliharaan keluarga bermula dari perkahwinan yang menepati syarak, nasab yang sah dan mendidik zuriat dalam mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat serta selamat dari ancaman api neraka. Melalui sistem perkahwinan, terbentuknya tanggungjawab keibuan, kebapaan dan anak-anak seterusnya sistem persemendaan. Sistem persemendaan menjadi asas pembentukan sistem keluarga, kabilah dan ummah Ibn °Asyur (1999). Oleh itu, pasangan suami isteri perlu memahami *maqasid syariah* dalam sesebuah perkahwinan supaya mereka mampu berperanan dan melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna bagi memastikan wujudnya generasi yang menjaga agama dan khalifah di muka bumi. Dalam mendefinisikan *maqasid syariah*, terdapat dua perkataan yang disatukan. Oleh itu untuk memahami dengan lebih jelas dan tepat makna dua perkataan ini, satu penjelasan setiap perkataan adalah penting. *Maqasid* dari segi bahasa membawa pelbagai maksud iaitu meminta sesuatu dan mendatangkannya, iaitu jalan yang lurus, sederhana, keadilan dan kebenaran, keras dan paksa (Muhammad al-Firuzi al-Abadi 1971, al-Syed Muhammad Murtadha al-Husaini al-Zabidi 1971).

Maksud *syar'iah* pula berasal dari kalimah *syara'a*. Dari segi bahasa ia bermaksud sumber air minuman yang menjadi tumpuan orang ramai untuk meminumnya atau tujuan-tujuan lain (Ibn Manzur 1990). Secara literal, perkataan *syar'iah* membawa dua maksud yang berbeza tetapi mempunyai kefahaman yang saling berkait di antara satu sama lain. Pertamanya, ia membawa maksud sumber air dan keduanya bererti pembawaan atau jalan yang jelas dan lurus untuk menemui sesuatu (°Abdul Karim Zaydan 1969). *Syar'iah* juga dikenali sebagai *al-din* dan *al-millah* (Badran Abu al-Aynayn al-Badran 1973). Firman Allah SWT dalam surah al- Maidah (5: 48) Bermaksud :Dan Kami telah turunkan kepadamu Al Quran dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya, Yaitu Kitab-Kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan batu ujian[421] terhadap Kitab-Kitab yang lain itu; Maka putuslah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. untuk tiap-tiap umat diantara kamu[422], Kami berikan aturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki, niscaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu, Maka berlomba-lombalah berbuat kebajikan. hanya kepada Allah-lah kembali kamu semuanya, lalu diberitahukan-Nya kepadamu apa yang telah kamu perselisihkan itu.

Menurut al-Qurtubi (1958), *syar'iah* Islam bermakna apa sahaja peraturan yang ditentukan oleh Allah SWT ke atas umat manusia melalui Rasul-Nya Nabi Muhammad SAW. Manakala Syeikh Yūsuf al-Qardhāwī (2001) berpendapat *syar'iah* Islam adalah apa jua yang disyar'iatkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya dalam agama atau apa saja yang yang dianjurkan agama dan diperintah untuk melakukannya seperti puasa, solat, haji, zakat dan segala perbuatan baik. Oleh itu pengkaji merumuskan bahawa *syar'iah* Islamiyyah bermaksud sesuatu hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk hamba-Nya merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak, munakahat, muamalat, jenayah, daulah dan semua perkara yang berkaitan dengan pelbagai urusan kehidupan manusia demi merealisasikan kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat. Manakala maksud *maqasid syar'iah*, Ibn 'Ashur (1999) mendefinisikan *maqasid Syar'iah* sebagai maksud dan hikmah yang diambil kira oleh syarak dalam keseluruhan pensyariatan hukum atau sebahagian besarnya. Pemerhatiannya itu tidak hanya terbatas kepada kepada jenis tertentu daripada hukum-hukum syarak. Beliau turut menyebutkan definisi yang sama di tempat lain iaitu ia adalah perbuatan dan kelakuan yang mempunyai maksud dan tujuan pada zatnya. Jiwa akan berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapainya dengan pelbagai usaha dan menahan segala kesusahan demi melaksanakan perintah Allah SWT.

Alal al-Fasi (2013) menyatakan bahawa *maqasid* adalah tujuan-tujuan pensyariatan dan rahsia yang Allah SWT tentukan untuk setiap hukum. Ia juga adalah *idealisme* kepada *syar'iah* itu sendiri dan rahsia di sebalik ketentuan setiap hukum di dalamnya. Manakala al-Raisuni (1995) mengulas bahawa yang dimaksudnya dengan *idealisme* ialah objektif umum sedangkan rahsia disebalik ketentuan setiap hukum pula ialah objektif khusus. Oleh itu, berdasarkan definisi yang diberikan oleh Ibn 'Ashur dan Alal al-Fasi, beliau merumuskan bahawa definisi *maqasid syar'iah* ialah matlamat yang ditentukan oleh *syariah* untuk dicapai bagi kepentingan manusia. Tambahan lagi pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Rusyud (t.th) pula turut menyifatkan *maqasid* sebagai hikmah di sebalik pensyariatan sesuatu hukum. Dr Yusuf al-Qardhawi (1996) pula mendefinisikan *maqasid* sebagai mendatangkan masalah kepada manusia dan menolak kemudharatan. Ilmuwan Islam silam tidak membincangkan maksud *maqasid syar'iah* sehinggakan Imam al-Shatibi sendiri yang dikenali sebagai orang yang pertama menulis mengenai ilmu *maqasid syariah* secara lengkap dan terperinci, juga tidak memberikan definisi *maqasid Syariah* (al-Raisuni 1992). Namun begitu, terdapat beberapa pendekatan *maqasid Syariah* yang telah dikemukakan oleh ilmuwan Islam. Imam al-Ghazali membahaskan *maqasid Syariah* sebagai tujuan untuk memelihara lima perkara asas manusia (*usul al-khams*) iaitu untuk memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta (Mustafa al-Zarqa' 1998). Setiap perkara yang bertujuan untuk memelihara *usul al-khams* ini dikenali sebagai *maslahah*, manakala perkara yang memudaratkan *usul al-khams* pula dikenali sebagai *mafsadah* (al-Ghazali 1973). Maksud masalah pada asalnya ialah mendatangkan manfaat dan menolak mudarat iaitu memelihara tujuan yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Antara dalil yang menjadi petunjuk kepada *maqasid Syariah* adalah firman Allah SWT dalam surah al-Maidah (3:6): Bermaksud: Allah SWT tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi ia berkehendak membersihkan (menyucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu bersyukur."

Menurut pandangan al-Syatibi (2012), Allah SWT telah menetapkan syariat-Nya untuk memberikan kebaikan (*maslahah*) kepada manusia dan mengelakkan kerosakan (*mafsadah*) daripada menimpa mereka (al-Shāṭibī 2012). Ia terangkum dalam tiga kategori iaitu masalah *dharuriyyat*, masalah *hajiyyat* dan masalah *tahsiniyyat*. Oleh itu, jelaslah tujuan Allah SWT menetapkan syariat adalah memberi kebaikan di dunia dan akhirat. Maka sudah pasti kebaikan yang dijanjikan Allah SWT dalam syariatnya itu bersifat kekal dan umum serta meliputi kesemua perintahNya (al-Shāṭibī 2012). Manakala Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah (1977) pula mentakrifkannya sebagai "Tujuan-tujuan baik yang dicapai selepas melakukan perintah-perintahNya. Ia juga bermaksud kesudahan yang baik untuk segala perintahNya yang menunjukkan kebijaksanaanNya. Secara kesimpulannya, pengkaji merumuskan *maqasid syar'iah* dapat difahami sebagai matlamat, hikmah atau rahsia disebalik penetapan sesuatu hukum *Syar'iah*. Seterusnya hikmah tersebut, mendapati ia menjamin manfaat manusia dan melindungi mereka daripada kejahatan atau kerosakan sama ada dalam kehidupan dunia atau akhirat yang meliputi lima aspek iaitu agama, akal, nyawa, keturunan atau maruah dan harta.

II. PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas, pada umumnya terdapat banyak penulisan oleh para sarjana Islam yang membincangkan mengenai institusi keluarga, perkahwinan dan peranan ibu bapa. Kajian tentang pembentukan keluarga telah banyak ditulis, antaranya ialah kajian Rabiahul Adauwiyah (2014) iaitu "Pembentukan Keluarga Ideal menurut Islam dalam kalangan ibu tunggal di Yayasan pembangunan keluarga Terengganu". Beliau menyatakan bahawa ibu tunggal mampu melaksanakan tanggungjawab kepada anak-anak dengan mengambil pendekatan agama meskipun tanpa kewujudan seorang bapa dengan skor min 4.63. Kajian A'dawiyah Ismail (2011) iaitu membincangkan keluarga berkualiti dalam kalangan wanita bekerjaya yang meletakkan taqwa sebagai asas dalam pembentukan keluarga. Di samping itu, terdapat juga jurnal-jurnal yang membincangkan isu kekeluargaan iaitu faktor-faktor yang mempunyai hubungan dengan pembentukan keluarga bahagia di mana faktor keilmuan mendapat min yang tertinggi iaitu sebanyak 0.539 berbanding dengan faktor kaum kerabat ($r = 0.512$), faktor suami isteri ($r = 0.368$) dan faktor

ekonomi ($r = 0.329$). Selain itu, kajian konflik rumah tangga juga telah banyak dilakukan. Contoh kajian tersebut termasuklah kajian yang dilakukan oleh Coleman (1988), Menaghan dan Parcel (1990), Ferree (1991), Kluwer et al. (1997), Amato (1996) dan Thorton (1977). Di antara hasil kajian yang dapat dirumuskan daripada pelbagai kajian mereka bahawa terdapat pelbagai punca yang boleh menjadi faktor berlakunya konflik keluarga dan memberi kesan kepada kesejahteraan dan keselamatan keluarga seperti keperluan dan jangkaan, peranan dan tanggungjawab, seks, cemburu, isteri dwi kerjaya, usia perkahwinan yang muda, masalah kewangan dan sebagainya.

Menurut A'dawiyah (2005) dalam bukunya "Keberkesanan Pusat Pembangunan Keluarga Islam dan Unit Rundingancara dalam pembentukan keluarga dinamik: Kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah" bahawa punca-punca krisis rumah tangga antaranya ialah kurang pendidikan agama. Ini juga termasuk kurangnya kesedaran tentang matlamat perkahwinan dan lantas mereka tidak ada keperihatinan untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Pegangan agama yang kukuh akan membawa keharmonian dalam rumah tangga tetapi seandainya anak-anak tidak dididik untuk menjadi suami isteri yang baik, secara tidak langsung kepimpinan keluarga akan semakin pupus. Suami tidak ada kewibawaan, ilmu agama, akhlak, iman dan takwa. Di samping itu, Muhammad Hafizuddin (2003) berpandangan bahawa kebanyakan yang terjadi dalam rumah tangga pada hari ini di mana ideologi sekular dan pengetahuan tinggi yang diperoleh tidak dapat menjadikan mereka sebagai pasangan suami isteri yang saling faham memahami di antara satu sama lain., bersifat tolak ansur dan saling hormat menghormati di antara satu sama lain. Sifat kebendaan dan kekayaan serta sifat pentingkan diri sendiri telah menyebabkan hubungan kasih sayang antara suami isteri itu semakin pudar yang akhirnya menimbulkan konflik dalam rumah tangga.

Menurut Gersan (1998) menyatakan bahawa tekanan yang berlaku disebut sebagai symptom iaitu petanda bahawa berlakunya lekatan dalam keluarga yang menyukarkan proses transaksi yang seterusnya. Apabila berlaku tekanan, maka perkembangan dan pembangunan diri ahli dalam keluarga menjadi tidak lancar, lalu wujudlah masalah atau krisis. Manakala menurut Fankel & Hansen (1992) bahawa antara krisis atau konflik yang berlaku dalam keluarga ialah ketidakpuasan terhadap perkahwinan dan kelahiran anak. Mereka berdua mengatakan bahawa lazimnya krisis terjadi apabila timbul desakan yang hebat dalam membahagikan masa untuk menjalankan tanggungjawab terhadap anak-anak yang masih kecil seperti tuntutan kewangan, tanggungjawab sebagai ibubapa, kepentingan mencurahkan kasih sayang kepada anak dan orang tua dengan kekangan ruang masa dan perhatian yang perlu diperuntukkan atau diberikan kepada diri sendiri serta pasangan. Menurut Harun Arrasyid (2003) bahawa pergolakan rumah tangga ataupun perbalahan di antara suami isteri sememangnya merupakan asam garam dalam kehidupan berumah tangga. Bagaimana pun, ianya mestilah diredakan dan keharmonian hendaklah menjadi matlamat utama setiap pasangan suami isteri demi menyelamatkan rumah tangga. Sikap saling hormat-menghormati di antara pasangan suami isteri dipercayai dapat meredakan konflik rumah tangga.

Manakala menurut Azizan (2003) bahawa gejala dalam masyarakat dan fenomena negatif yang berlaku dalam keluarga adalah berpunca salah satu sebabnya daripada sistem keluarga itu sendiri. Krisis rumah tangga, cara didikan yang tidak sesuai, sikap tidak perihatin dan tidak bertanggungjawab di kalangan ahli keluarga, longgarnya amalan dan penghayatan agama adalah di antara beberapa faktor yang boleh menyebabkan rapuhnya sistem kekeluargaan tersebut. Selain itu, konflik keluarga bukan sahaja dapat diselesaikan dengan penghayatan agama namun persefahaman suami isteri juga wajar diterapkan dalam kehidupan. Pernyataan ini disokong oleh Siti Zalikah (1992), bahawa penyelesaian konflik keluarga memerlukan komitmen dan kerjasama yang erat dan padu daripada suami dan isteri. Kedua-dua pihak perlulah menampilkan sikap yang positif dalam menyelesaikan setiap masalah yang mereka hadapi. Kesediaan mereka melakukan sebarang tugas yang diarahkan akan mempermudah lagi proses penyelesaian konflik. Lantaran itu, semua proses penyelesaian yang dilakukan pada tahap ini berbentuk bersemuka ataupun penyertaan langsung terhadap masalah yang sedang dihadapi oleh kedua-dua pihak.

Malah menurut Zawanah (1998), konsep sulh merupakan satu pendekatan bagi menyelesaikan pertikaian yang berkaitan dengan kes-kes mal. Ianya sangat baik dan sesuai untuk dilaksanakan dalam menyelesaikan konflik keluarga antara suami isteri. Menurut beliau lagi, selain daripada pendekatan sulh, pendekatan jawatankuasa pendamai juga merupakan satu bentuk penyelesaian konflik keluarga di antara suami isteri. Pelantikan jawatankuasa pendamai ini bertujuan untuk memberi peluang lagi kepada suami dan isteri mencari jalan perdamaian dan kembali hidup dalam keadaan harmoni. Sebelum mengendalikan sesi perbincangan dengan kedua-dua wakil yang dilantik, pengerusi jawatankuasa pendamai perlu mendapatkan arahan daripada hakim yang membicarakan tentang apa yang perlu dan patut dilakukan olehnya semasa melakukan perundingan. Pandangan ini disokong oleh kajian Hassan (1989) dalam bukunya Asas kekeluargaan Islam, Mahmood Zuhdi (1989) dalam bukunya Undang-Undang Keluarga Islam dan Siti Zalikah (1988) dalam tesis Doktor Falsafah bertajuk Hukum Kekeluargaan di Dalam Masyarakat Majmuk Menurut Pandangan Islam: Pelaksanaannya di Malaysia, mereka menyentuh tajuk mengenai hakam dan jawatankuasa pendamai sebagai salah satu pendekatan menangani konflik keluarga.

Selain itu, menurut Abdullah Haddad (1987) bahawa salah satu jalan penyelesaian kepada masalah konflik yang membawa kepada perceraian hanyalah melalui pembersihan jiwa iaitu melalui kaedah tasawwuf atau kaedah sufi. Pendapat Abdullah ini disokong oleh Muhammad Naim (2001) menyatakan bahawa segala masalah manusia yang timbul dalam masyarakat disebabkan manusia tidak mematuhi al-Haq iaitu satu dasar yang tetap yang ditentukan dan diatur oleh Allah S.W.T. Sesiapa yang mendekati al-Haq bererti dia mendekati kebahagiaan. Setiap yang menyimpang

daripada peraturan yang telah digariskan oleh Allah S.W.T akan berhadapan dengan masalah. Kajian lepas juga mengkaji sejauh mana penghayatan keibubapaan Islam pada masa kini berdasarkan model yang dirangka. Model penghayatan keibubapaan Islam adalah satu idea baru untuk membangunkan sebuah keluarga Muslim. Model ini melihat keibubapaan Islam sebagai satu panduan bagi menyusun dan merancang pelaksanaan konsep ibu bapa. Namun kebanyakan kajian yang dilakukan sebelum ini tidak menekankan objektif pembinaan keluarga berasaskan maqasid tetapi lebih banyak menggunakan istilah adab dan akhlak. Alat-alat ukuran keibubapaan mengikut budaya dan perpektif Barat telah banyak dibina seperti Parental Authority Questionnaire (Buri, 1991). Walau bagaimanapun alat ukuran tersebut tidak sesuai digunakan ke atas ibu bapa Muslim kerana sosiobudaya masyarakat Islam dan Barat adalah tidak sama, kerana faktor norma budaya sangat mempengaruhi sesebuah keluarga (Stewart & Bond, 2002). Justeru, pembinaan alat ukur berdasarkan asas dan perspektif agama Islam adalah sesuatu yang perlu bagi mendapatkan gambaran yang sebenar mengenai bentuk pendidikan anak-anak sama ada ianya berlaku dalam konteks pendidikan mengikut ajaran Islam atau sebaliknya.

Model penghayatan keibubapaan Islam ini akan menjadi satu landasan bagi mengetahui tahap penghayatan keibubapaan Islam seperti yang termaktub di dalam 'Ten Point Bill of Reproductive Health' oleh Prof Abdel Rahim Omran (dalam Harlina Halizah Siraj, 2006). Teori tersebut menyarankan bahawa pendidikan anak-anak adalah satu tanggungjawab yang besar dan perlu dilaksanakan dengan penuh kasih sayang, membuat perancangan dari segi ekuiti (keadilan) dan psikologikal di antara anak lelaki dan perempuan. Ibu bapa perlu merancang keperluan anak-anak daripada kecil sehingga mereka dewasa. Teori ini juga menganggap bahawa anak itu adalah anugerah Allah SWT yang sangat tinggi nilainya dan bukannya sebagai satu beban kepada keluarga. Perancangan perlulah dibuat bermula dengan pemilihan pasangan sehingga mendapat anak. Tambahan pula, dengan kadar penceraian yang meningkat serta memberi kesan negatif kepada anak-anak menunjukkan ibu bapa berkemungkinan mempunyai masalah dalam mendidik anak-anak. Melalui penelitian yang telah dibuat oleh pengkaji, ternyata setakat ini tidak ada lagi kajian yang secara khususnya yang membahaskan dan menfokuskan konsep perkahwinan dari perspektif maqasid syariah. Kajian Nazirah Salleh (2011) pula hanya membincangkan hubungan maqasid syariah dan tanggungjawab suami isteri dalam aspek memelihara keturunan secara umum sahaja dan tidak merangkumi kelima-lima aspek pemeliharaan yang diletakkan oleh maqasid syariah iaitu aspek agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Selain itu, kajian tentang maqasid syariah hanya berfokus kepada bidang muamalat dan ekonomi seperti kajian Zaharuddin (2012) mengenai maqasid syariah dalam hukum jual beli. Terdapat juga jurnal-jurnal mengenai maqasid tetapi lebih berfokus kepada isu muamalat juga seperti kajian Hairullfazli.etl (2016) yang bertajuk "Model Agihan Zakat berdasarkan maqasid syariah), kajian Zulkifli Abd. Ghani (2014) yang membincangkan isu saudara baru orang asli dari perspektif maqasid syariah, Zulkifli Muda (2016) yang membincangkan isu hakikat maqasid syariah dalam siasah syariah dan Aznan Hasan (2016) juga yang membincangkan isu maqasid syariah dalam pelaksanaan siyasah syar'iyah di Malaysia.

Manakala kajian Sayed Abd. Rahman (1994), Sabitha & Mahmood Nazar (1994), Roslee Abbas (2001), Ismail Baba (2001) dan Azyyati (2014) mendapati faktor yang menggagalkan kualiti dan corak kemenjadian anak-anak adalah sikap acuh tak acuh dan pengabaian ibu bapa terhadap tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Menurut kajian lain iaitu penulisan Abdullah Nasih Ulwan (1999), kajian Adawiyah (2014); kajian Amran (2014). Halimah dan Kamariah (1993); Azizi, et. al (2005) mendapati ibubapa perlu menekan aspek keagamaan dan keperluan rohani dalam mendidik anak-anak agar mereka mencapai keselamatan dan kesejahteraan hidup bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat kelak. Di samping itu, menurut Mohd Jeffry (2004); Zulkifli (2010), perkahwinan dan keluarga merupakan elemen perkaitan dengan jiwa dan ruh manusia. Ajaran Islam pula melihat jiwa dan ruh yang sejahtera mendorong pembentukan sesebuah keluarga yang selamat dan aman damai berasaskan tanggungjawab ibu bapa. Dan Islam adalah satu-satunya sistem hidup Ilahi terakhir yang direndahkan oleh Allah SWT untuk umat manusia keseluruhannya. Keluarga adalah institusi di mana seseorang individu itu mendapat pendidikan yang terawal. Dalam perjalanan hidup yang normal, individu yang mempunyai keluarga akan menerima pendidikan awal daripada ibu bapanya sendiri. Oleh yang demikian, pasangan yang berkahwin perlu mengetahui matlamat atau maqasid perkahwinan agar mereka mampu melayari kehidupan selari dengan tuntutan Islam.

Selain itu, terdapat kajian tentang pembentukan keluarga ideal melalui pendekatan agama seperti kajian oleh Rabaitul Adawiyah (2014) mengkaji peranan ibu tunggal yang mengambil pendekatan agama dalam mendidik anak-anak dengan skor min 4.63, Adawiyah (2007) mengkaji pegangan agama membawa keharmonian dalam rumah tangga dan Zawanah (1998) menyatakan konsep sulh merupakan satu pendekatan bagi menyelesaikan pertikaian konflik antara suami isteri. Terdapat juga kajian yang berkaitan dengan kekeluargaan menjurus kepada mengenal pasti konsep keluarga bahagia dan ideal serta bagaimana mereka berperanan serta berfungsi dalam mendidik anak-anak dalam konteks ilmu keibubapaan dan pendekatan kaunseling keluarga serta konflik yang berlaku dalam rumah tangga seperti kajian Rabiatal Adawiyah(2014), Lily mastura & Ramlan (2006), Adawiyah (2014), Azizan (2003) dan Zainal Madon & Siti Zaharah (2014).Kajian yang dilakukan oleh pelbagai penyelidik membuktikan bahawa kejahilan ibubapa tentang matlamat perkahwinan, perceraian dan tekanan emosi memberi kesan negatif kepada kemenjadian anak-anak. Ini selari dengan pandangan Azizi Yahya & Gan Liu Nam (t.th) dan Mustafa (t.th) bahawa masalah yang wujud antara pasangan suami isteri dan jahil tentang agama menyebabkan berlakunya pengabaian pendidikan anak-anak mengikut kehendak Islam. Ketidastabilan emosi ibu bapa juga menyebabkan berlakunya penderaan seksual, fizikal dan emosi ke atas anak-

anak. Semua ini berlaku berpunca dari tekanan, krisis dan konflik dalam kehidupan seharian yang dilepaskan kepada anak-anak menyebabkan pemeliharaan institusi keluarga terabai dan menjejaskan pendidikan anak-anak yang merupakan tunjang utama dalam sesuatu perkahwinan (Amran 2014; Ann & Khadijah 1997).

Justeru pengkaji merumuskan bahawa kajian lepas banyak membincangkan isu pembentukan keluarga, punca-punca krisis dan kesannya serta kepentingan kaunselor dalam menangani masalah krisis keluarga. Sewajarnya kajian perkahwinan dari perspektif maqasid syariah dalam memelihara institusi keluarga diperbincangkan secara meluas agar ianya mampu menjadi bahan bacaan ilmiah yang dapat dijadikan rujukan kepada semua pihak terutama para ibu bapa.

III. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang dipersembahkan secara deskriptif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Untuk mendapatkan maklumat dan data kajian, pengkaji meneliti nas-nas al-Quran dan hadis berkenaan *maqasid syariah* dan maqasid perkahwinan serta bahan-bahan primer seperti kitab-kitab asal berkenaan *maqasid syariah* dalam institusi keluarga dan bahan sekunder seperti buku-buku, kertas kerja, jurnal dan laporan tesis. Selain itu, pengkaji menggunakan metod induktif untuk menganalisa data-data yang dikumpulkan dan seterusnya menghuraikan sesuatu bahan atau maklumat bagi menguatkan sesuatu fakta supaya penulis dapat menghasilkan kesimpulan penting dan tepat.

IV. HASIL KAJIAN

Terdapat banyak definisi perkahwinan yang ditetapkan oleh sarjana Islam. Perkahwinan dari sudut bahasa adalah bermaksud perihal pernikahan atau penggabungan di antara dua unsur yang berlainan (Kamus Dewan, 2010). Menurut fuqaha' seperti 'Abdul Rahman al-Jaziri mendefinisikan perkahwinan dari segi bahasa ialah "berkumpul dan bercampur". Manakala perkahwinan atau pernikahan dari segi syarak bermaksud satu akad nikah yang menghalalkan persetubuhan di antara suami isteri dengan cara yang dibenarkan syarak (Mustofa et.al 2002). Perkahwinan merupakan tuntutan fitrah ke atas diri manusia yang hidup di muka bumi sebagai hamba Allah S.W.T dan Islam mengiktiraf keinginan dan keperluan tersebut. Perkahwinan yang disyariatkan dalam Islam bertujuan mencapai kebaikan dan kemaslahatan serta menolak kerosakan manusia. Kaum lelaki memerlukan kepada seorang perempuan untuk menjadi teman hidup dan kaum hawa memerlukan suami sebagai penangung hidup mereka. Tuntutan fitrah ini berbeza dengan agama kristian yang menganjurkan hidup membujang dan tidak membenarkan perkahwinan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hadid (27:27) yang bermaksud: "Dan mereka mengada-adakan rahbaniyyah (hidup kependitaan tanpa berkahwin) padahal kami tidak mewajibkannya kepada mereka" Menurut Wahbah Zuhaili (1991) dalam tafsirnya, ayat ini ditujukan kepada orang-orang yang mengadakan rahbaniyyah, akan tetapi mereka mengingkari (tidak mahu beriman) dengan Nabi Allah yang datang kepada mereka iaitu Nabi Isa dan Nabi Muhammad SAW. Maka, perbuatan rahbaniyyah tadi disebut bid'ah yang tidak selari dengan tuntutan syarak iaitu mewajibkan sesuatu perkara yang tidak diwajibkan ke atas mereka oleh agama mereka.

Pensyariatan ini mempunyai hikmah bukan hanya bersifat biologis semata-mata, malah lebih tinggi dan mulia sifatnya. Ianya bertujuan untuk mencapai ketenangan hidup, memelihara maruah, menjaga keturunan yang suci, malah menjadi medan madrasah pertama pentarbiyahan anak-anak. Anak-anak adalah saham bagi ibu dan bapanya di akhirat kelak. Ini dapat direalisasikan menerusi kebanggaan Rasulullah SAW dengan umat baginda yang ramai, kesinambungan doa daripada anak yang soleh untuk ibu bapanya serta janji syafaat bagi ibu bapa yang bersabar di atas kematian anak mereka sebelum mencapai usia baligh (Al-Ghazali 1992). Galakan supaya berkahwin membuktikan Islam meraikan fitrah manusia untuk hidup berpasangan. Umatnya dibimbing untuk menyalurkan kasih sayang dan nafsu dengan cara yang betul dan berhikmah. Menerusi ikatan ini secara tidak langsung dapat menjaga diri seseorang daripada godaan syaitan dan terjerumus ke lembah zina. Ia juga mampu menundukkan pandangan seseorang daripada melihat kepada yang haram sekaligus memelihara kemaluannya daripada melakukan dosa (Al-Ghazali 1992). Tambahan pula, perkahwinan yang sah sebenarnya mampu memberi kesan kepada kesihatan dari sudut fizikal berbanding dengan ikatan yang tidak sah dan songsang. Buktinya, AIDS tersebar menerusi zina dan sama sekali tidak terjadi kepada ikatan perkahwinan yang terjaga. Di samping itu, terdapat juga bukti saintifik yang menjelaskan bahawa perhubungan badan yang betul di antara suami dan isteri sebenarnya mampu menjadi terapi bagi merawat serta mengurangkan risiko sebahagian penyakit (Abd. Jalil Mohd Hassan 1993)

Maka perkahwinan menjadi sunnah para nabi dan rasul. Firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd (13:38) yang bermaksud: "Dan Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul sebelumnya, dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan" Menurut al-Qurtubi (2002) dalam tafsir "Al-Jami' li Ahkam al-quran", menjelaskan ayat ini diturunkan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh golongan Yahudi yang sengaja ingin mengelirukan Rasulullah SAW dan pengikut baginda. Mereka mendakwa Rasulullah SAW hanya sibuk dengan isteri dan perkara yang berkaitan dengannya sahaja sedangkan sebagai seorang rasul, baginda tidak seharusnya menyibukkan

diri dengan urusan tersebut. Justeru, Allah SWT menurunkan ayat ini sebagai penjelasan kepada nabi Muhammad SAW bahawa para rasul terdahulu pun berkahwin dan berkeluarga seperti mana manusia biasa. Ayat ini sekaligus menafikan dakwaan golongan Yahudi tersebut. Masalah *Dharuriyat* dalam objektif *syariah* adalah memelihara kesucian keturunan atau *hifz nasal*. Al-Shāṭibī (2012) mengulaskan bahawa memelihara keturunan melalui perkahwinan yang sah merupakan matlamat asal dan terpenting kerana melaluinya tertegak kebaikan yang mutlak dalam usaha memakmurkan alam ini. Manakala matlamat perkahwinan yang lain merupakan penyempurnaan kepada matlamat asal. Namun kesemuanya bermatlamat untuk memelihara keturunan manusia daripada lenyap di muka bumi ini atau dicemari oleh nilai-nilai yang merosak dan meruntuhkan zuriat manusia sama ada dari segi rohani atau jasmani. Antara maqasid *syariah* dalam perkahwinan ialah:

i. Memenuhi Fitrah Manusia

Menurut Ibn ʿAsyur (1999), tujuan sistem kekeluargaan dalam Islam secara khusus adalah untuk mengisi keperluan fitrah manusia di samping berperanan memelihara kemaslahatan masyarakat dan kesinambungan generasi khalifah yang akan memikul amanah Allah SWT kepada manusia. Oleh kerana Islam merupakan agama fitrah, Islam telah mensyariatkan perkahwinan bagi menyempurnakan tuntutan fitrah manusia. Teori Ibn Asyur juga meletakkan fitrah sebagai satu dasar dalam menentukan maqasid ke atas sesuatu perundangan Islam. Allah SWT telah mencipta manusia serta membekalkan mereka dengan keinginan seksual dan keinginan kepada berlainan jantina. Allah SWT juga telah menetapkan secara fitrah bahawa setiap manusia memerlukan pasangan dalam kehidupannya. Mereka tidak dapat berkembang biak dan meneruskan kehidupannya dengan cara bersendirian tanpa ada pasangan (Jawiah 1996). Bagi memelihara fitrah semulajadi manusia yang memerlukan antara satu sama lain, syariat telah menyusun penyempurnaan fitrah ini melalui perkahwinan atau pernikahan serta seruan kepada pembinaan sebuah keluarga (Muhammad Jawad 1993, ʿAbd. Halim Mahmud 1992). Firman Allah SWT dalam surah Yaasin (36:36) yang bermaksud: “Maha suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya”.

Menurut al-Qurtubi (2002) dalam tafsirnya, ayat ini menjelaskan bahawa untuk merealisasikan kehidupan berpasangan dalam sebuah keluarga, ia perlu dibina melalui perkahwinan yang menepati syarak bagi menjamin kehidupan manusia dalam masyarakat yang stabil dan mantap. Selain itu, pembinaan sebuah keluarga menepati fitrah semula jadi manusia yang diciptakan oleh Allah SWT. Selain itu, ʿAbdullah Nasih ʿUlwan (1988) berpandangan bahawa pensyariatkan perkahwinan bertujuan menghalang unsur rahbaniah kerana perkara itu bertentangan dengan fitrah dan tabiat semula jadi manusia. Kerahiban atau hidup membujang itu berlawanan dengan tabiat dan nafsu manusia. Menurut Suʿad Ibrahim (1982), kecenderungan untuk melakukan hubungan jenis merupakan sesuatu yang tabii dalam Diri manusia dan fitrah kemanusiaan ini diciptakan oleh Allah SWT untuk kemaslahatan manusia. Namun kemaslahatan ini tercapai sekiranya ia disandarkan kepada syariat Ilahi. Kecenderungan yang tidak dikawal akan membawa kepada kerosakan akhlak dan tata susila. Pengabaian sepenuhnya terhadap kecenderungan pula merupakan penentangan terhadap tabiat semulajadi manusia. Ekoran dari itu, Islam melarang perbuatan zina sebagai salah satu cara untuk melaksanakan tuntutan fitrah manusia ini. Selain itu, amalan seks songsang seperti LGBT, lesbian dan homoseks juga dilarang dalam Islam. Amalan seks songsang ini bercanggah dengan fitrah manusia dan maqasid perkahwinan yang disyariatkan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa (2:1) yang bermaksud: “Allah SWT mencipta manusia daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan membiakkan daripadanya kedua-duanya zuriat keturunan” Menurut Ibn Kathir dalam tafsirnya konsep berpasangan-pasangan iaitu *zaujiyah* merupakan pasangan yang berbeza jantina. Perkahwinan antara keduanya akan menghasilkan zuriat. Bagaimana mungkin berpasangan yang tidak berbeza jantina mampu melahirkan zuriat. Hal ini bercanggah dengan maqasid sesebuah perkahwinan tersebut. Bagi tujuan itu, Islam menggalakkan perkahwinan agar kaum lelaki dan perempuan dapat memenuhi kecenderungan fitrah mereka mengikut syariat Islam. Bahkan hubungan yang dilakukan oleh pasangan suami isteri dianggap sebagai amalan baik yang mendapat pahala daripada Allah SWT. Justeru, berdasarkan al-quran dan hadis di atas, penulis merumuskan maqasid perkahwinan bertujuan memelihara manusia daripada mengikut fitrah yang cenderung kepada hawa nafsu serta seks tanpa mengambil cara yang halal di sisi agama.

ii. Mengekalkan Zuriat Dan Keturunan Manusia

Pengekalan zuriat dalam kehidupan manusia amat penting kerana mereka berperanan sebagai khalifah Allah SWT dan melaksanakan amar makruf nahi mungkar di atas muka bumi. Institusi keluarga yang disandarkan pada maqasid *syariah* dalam pemeliharaan zuriat dengan memelihara kelima-lima *daruriyat al-khams* akan menjamin kesinambungan tugas manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (Ibn ʿAsyur 1999). Islam meletakkan perkahwinan yang sah sebagai wasilah dalam mengembang biakkan manusia soleh di muka bumi. Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat (25:54) yang bermaksud: “Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan) dan sememangnya tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendakiNya)”. Menurut Suʿad (1982), institusi keluarga yang disyariatkan oleh Islam akan menjamin

kesinambungan tugas manusia berjalan dengan lancar dan berkesan. Keberkesanan menunaikan tanggungjawab sebagai khalifah ini bergantung kepada berkesannya jentera yang menjamin pengembangan zuriat umat manusia. ^oAli ^oAbdul Halim (1992) dalam bukunya "*Tarbiyah al-Nasyi al-Islami*" menyatakan bahawa melahirkan zuriat yang soleh untuk berperanan sebagai khalifah di muka bumi dan *berta'abud* kepada Allah SWT merupakan maqasid dalam pembinaan sesebuah keluarga. Firman Allah SWT al-Baqarah (2:187) yang bermaksud: "Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) Dengan isteri-isteri kamu. isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu". Al-Zamakhshari (1987) dalam mentafsirkan ayat ini, menyatakan bahawa seorang lelaki tidak hanya mempergauli perempuan semata-mata untuk memuaskan nafsu kejutannya tetapi untuk mencapai tujuan utama yang telah ditetapkan oleh Allah SWT iaitu untuk mendapat anak bagi memperkembangkan zuriat manusia. Oleh itu, perkahwinan dalam sesebuah institusi keluarga merupakan wasilah dalam memenuhi tujuan ini.

Allah SWT juga mengingatkan manusia bahawa mereka adalah berasal daripada bapa yang satu iaitu Adam a.s dan ibu yang satu iaitu Hawa. Daripada kedua-duanya bermulalah perkembangan zuriat manusia di atas dunia ini (al-Thabari 1999). Oleh itu pembinaan institusi keluarga amat penting agar dapat meneruskan zuriat manusia di atas muka bumi Allah ini. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl (16:72) yang bermaksud: "Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda Yang baik lagi halal; maka Patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara Yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?" Menurut Ibn Jarir dalam tafsir Ibn Kathir (2000), antara kurniaan Allah SWT yang amat berharga ialah zuriat yang soleh merangkumi anak-pinak dan cucu-cicit. Perkataan hafadah juga membawa maksud al-khidmah iaitu bantuan dan perkhidmatan. Ini bermakna kelahiran zuriat bagi pasangan suami isteri akan menggembirakan mereka kerana mereka akan mendapat bantuan dan pertolongan daripada anak cucu mereka. Untuk mencapai matlamat memperbanyakkan umat manusia di muka bumi ini, syarak menggalakkan setiap bakal suami isteri supaya memilih perempuan-perempuan yang subur sebagai pasangannya. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Berkahwinlah dengan perempuan yang penyayang dan boleh beranak-pinak, sesungguhnya aku berbangga dengan kamu dalam kalangan para nabi pada Hari Kiamat". (Riwayat Ahmad, Ibn Majah, al-Tabarani dan al-Baihaqi)

Oleh itu manusia memerlukan satu institusi yang tetap dan berkekalan untuk memenuhi tujuan ini. Menurut Ibn ^oAsyur (1999), institusi kekeluargaan adalah suatu sistem yang dapat mengendalikan hal ini. Keluarga adalah ruang asas dalam menyemai pendidikan dan tarbiyah bagi anak-anak sebelum mereka didedahkan dengan nilai-nilai luar (Tg. Intan 2010). Menurut Mustofa et al. (2002), Islam menggalakkan umatnya supaya mempunyai keturunan yang ramai dan melahirkan masyarakat Islam yang digeruni dan disegani selari dengan tujuan penciptaan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Manakala A'dawiyah (2016) pula berpandangan berkekeluargaan dapat memelihara kesinambungan keturunan manusia di mana keselamatan keturunan bangsa, budaya manusia dan juga kesinambungan fungsi khalifah bergantung kepada keberkesanan gerakan proses pembiakan dan kelahiran manusia. Ibn ^oAsyur (1999) menyatakan bahawa memelihara keturunan bertujuan mencapai maqasid syarak dalam institusi keluarga. Setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing yang ditaklifkan oleh Allah SWT. Kematangan dan kehidupan individu yang baik secara umumnya terbentuk daripada kesan pendidikan keluarga mengikut sistem dan matlamat berkekeluargaan menurut Islam serta mewarisi acuan keluarganya (Tariq Ismail 1986).

iii. *Mewujudkan Mawaddah Dan Kasih Sayang*

Allah SWT menjelaskan tujuan perkahwinan adalah untuk memberikan nikmat sakinah, mawaddah dan rahmah kepada manusia seperti dalam firmanNya dalam surah al-Rum (30:21) yang bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda Yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, Bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang Yang berfikir". Menurut Syed Qutb (2000) dalam tafsir Zilaalul Quran, ayat ini menerangkan keperluan manusia kepada perkahwinan serta ketenangan dan kebahagiaan yang lahir daripada perkahwinan tersebut. Perasaan kasih sayang dan belas kasihan melahirkan dorongan positif kepada ibu bapa untuk memelihara zuriat dan keturunan mengikut syariat Allah SWT. Cinta dan kasih sayang adalah rahmat daripada Allah SWT untuk pasangan suami isteri meskipun umur sudah berusia tua. Perasaan sejahtera, tenang dan penuh rasa kasih sayang sesama keluarga wujud dalam keluarga tersebut melambangkan kekuasaan Allah SWT. Kasih sayang ini membantu suami isteri dalam menyempurnakan amanah Allah SWT dalam pendidikan anak-anak.

Islam begitu mengambil berat terhadap institusi kekeluargaan bagi menjamin kesejahteraan manusia bukan sahaja di dunia tetapi juga kesejahteraan di akhirat. Malah Wan Nordin (2014) berpandangan hidup berkeluarga merupakan nikmat yang tidak boleh dipertikaikan. Rumah tangga yang dibina adalah bertujuan mewujudkan hubungan kerohanian dan kasih sayang antara dua insan yang berbeza jantina. Ikatan mawaddah dan kasih sayang juga melahirkan nilai kerjasama antara suami isteri dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Sebagaimana kecenderungan untuk melakukan hubungan suami isteri, manusia juga diciptakan oleh Allah SWT dengan naluri kasih sayang. Hubungan antara ahli keluarga, khususnya hubungan antara suami isteri bukanlah hanya hubungan fizikal semata-mata. Malah, hubungan kerohanian juga terlaksana apabila mereka saling berkasih sayang antara satu sama lain. Oleh itu, keluarga di dalam Islam merupakan medan untuk mengembangkan kasih sayang, kebaikan, perlindungan, kehormatan, saling mempercayai, pengorbanan dan ketenteraman. Semua ini memerlukan kekuatan rohani yang bertapak dalam jiwa setiap individu keluarga terbabit (Ahmad Hasan Karzun 1997). Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2:187) yang bermaksud: “Dengan isteri-isteri kamu, isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka”.

Wahbah al-Zuhaili (1991) dalam tafsirnya, ayat di atas mengibaratkan suami isteri sebagai pakaian bagi pasangannya kerana masing-masing saling melindungi pasangannya. Menurut Khalid Abd Rahman (2001) dalam bukunya “pembinaan keluarga muslimah” kebahagiaan rumah tangga tidak wujud melainkan dengan mawaddah dan rahmah. Mawaddah itu adalah kasih sayang suami kepada isterinya dan rahmat itu adalah rahmat suami kepada isterinya daripada musibah. Kesimpulannya sakinah dan mawaddah menggambarkan kesejahteraan dan kebahagiaan sesebuah keluarga. Manakala perkahwinan adalah sebahagian daripada pelaksanaan peranan manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Keluarga yang benar-benar mencapai kesejahteraan adalah keluarga yang menunaikan prinsip-prinsip maqasid syariah iaitu keluarga yang melaksanakan peranannya untuk meraih kemaslahatan dan kebaikan ahli keluarganya. Hubungan kasih sayang suami isteri akan menghasilkan zuriat yang akan mengekalkan kewujudan manusia dari generasi ke generasi (Siti Shamsiah 2017).

Dalam merealisasikan maqasid mawaddah dan sakinah dalam keluarga, Islam telah meletakkan beberapa peraturan sebelum berkahwin. Di antaranya ialah melihat calon pasangan. Menurut Mustofa (2002), antara perkara sunat yang digalakkan oleh Islam ialah seseorang lelaki melihat perempuan yang ingin dikahwininya sebelum peminangan. Situasi ini hanya dibenarkan apabila lelaki tersebut benar-benar berniat untuk mengahwininya dan berharap peminangannya akan diterima. Syarak membenarkan lelaki tersebut melihatnya tanpa meminta kebenaran dan tanpa pengetahuan perempuan tersebut supaya dia tidak berhias. Tujuan syarak membenarkan melihat calon isteri adalah untuk mengelakkan kekecewaan selepas berkahwin seperti sabda Rasulullah SAW kepada Mughirah bin Syu’bah sewaktu dia berazam untuk meminang seorang wanita yang bermaksud: “Lihatlah perempuan itu semoga ia akan mengekalkan kasih sayang di antara kamu berdua” (Riwayat Tirmizi dalam kitab nikah bab melihat tunang, no 1087, Ibn Majah dalam kitab nikah bab melihat perempuan yang ingin dikahwini, no 1865)

Islam juga telah meletakkan sekufu sebagai syarat dalam perkahwinan. Sekufu ialah persamaan di antara calon suami dan isteri dari beberapa sudut iaitu agama, pekerjaan dan status kesihatan (Mustofa et.al 2002). Menurut Mustofa et.al 2002 juga, walau pun sekufu bukan syarat sah perkahwinan, ia perlu ada untuk mengelakkan wanita dan wali menanggung malu. Malah ia juga sebagai satu jaminan untuk mengekalkan keharmonian rumah tangga kerana cara hidup kedua-duanya hampir sama (Mustofa et al. 2002). Manakala menurut Jawiah (2006), bagi menjamin keberkekalan dan keharmonian rumah tangga atau keluarga yang bakal dibina, masalah kufu tidak kurang pentingnya. Para ulama Islam khususnya telah memberikan penekanan dalam masalah kufu’ untuk menjaga keharmonian dan kerukunan kepada kedua-dua pasangan. Kufu’ adalah hak bakal isteri dan walinya (Mustofa et. al 2002, Jawiah 2006). Justeru penulis merumuskan bahawa maqasid perkahwinan dalam melahirkan mawaddah dan sakinah memerlukan usaha dari suami isteri bermula dari niat untuk berkahwin, mengambil berat dalam isu melihat pasangan, sekufu dan menyempurnakan pemberian mahar. Kesemua ini akan membantu pasangan untuk melahirkan perasaan sayang dan belas kasihan terhadap pasangan selain berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT.

iv. Pendidikan Dan Tadayyun Dalam Keluarga

Hubungan yang terbina juga merupakan proses pendidikan dan pembentukan akhlak manusia. Allah SWT memerintahkan ketua keluarga agar mendidik keluarga mereka agar terselamat daripada seksaan api neraka. Firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim (6:66) yang bermaksud: “Wahai orang-orang Yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka Yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat Yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah Dalam Segala Yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan Segala Yang diperintahkan”. Menurut Wahbah al-Zuhaili (1991) dalam tafsir al-Munir, Allah SWT mengingatkan orang yang beriman dalam ayat ini, agar menjaga diri mereka daripada kebinasaan dan menjaga isteri dan anak-pinak mereka daripada dihumban ke dalam neraka yang amat dashat. Cara untuk menyelamatkan mereka adalah dengan mendidik mereka agar meninggalkan maksiat, melakukan ketaatan dan mendidik mereka dengan adab yang mulia.

Selain itu, kehidupan berkeluarga merupakan satu ruang jihad yang diberikan Allah SWT kepada lelaki dan perempuan kerana mereka perlu bermujahadah dalam melaksanakan tanggungjawab, perintah dan peraturan dalam mencapai matlamat pemeliharaan institusi keluarga (Tg. Intan 2010). Menurut Mahmud al-Jauhari (2000) dalam bukunya “ Al-Akhawat Muslimah”, fungsi pembentukan masyarakat berkeluarga tidak akan sempurna tanpa adanya pendidikan, pembentukan keperibadian, pembinaan nilai dan pemanduan ke arah ciri-ciri keagamaan dan kebudayaan. Inilah jihad ibu bapa dalam menyempurnakan amanah Allah SWT. Perkahwinan atau pernikahan adalah asas atau prasyarat dalam pembentukan sebuah keluarga Islam (Ibn ^cAsyur 1999). Untuk menyempurnakan maqasid memelihara agama maka datangnya tanggungjawab suami isteri terhadap anak-anak bermula dari pemilihan pasangan hidup yang beragama dan mendidik anak dalam aspek aqidah ibadat dan akhlak serta mendapat balasan pahala sesiapa yang melaksanakannya. Kefahaman dan penerimaan maqasid dalam konteks kekeluargaan akan meletakkan satu standard bahawa keluarga stabil dan sejahtera adalah yang dapat memelihara kelangsungan hidup dan kepentingan manusia meliputi agama, diri atau nyawa, akal, keturunan dan harta.

Sebagai kesimpulan, ibu bapa harus berperanan dalam menjaga keluarga. Ini kerana penjagaan keturunan adalah bermula dari institusi rumah tangga seterusnya berusaha membina sebuah keluarga bahagia masyarakat dan negara yang bertamadun. Sekiranya ibu bapa tidak dapat menjalankan fungsinya dengan baik maka ia akan merosakkan sistem kekeluargaan dan keturunan seterusnya membawa kepada kepincangan sosial, pengurusan rumah tangga dan akan meruntuhkan institusi tersebut. Apabila keluarga telah runtuh, tanggungjawab memelihara dan mengawal rakyat diserahkan kepada negara. Firman Allah SWT dalam surah Taha (20:132) yang bermaksud: “Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah Engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadaMu, (bahkan) Kamilah Yang memberi rezeki kepadamu. dan (ingatlah) kesudahan Yang baik adalah bagi orang-orang Yang bertaqwa”.

Menurut ‘Atiyah (2001), apabila hilangnya tanggungjawab ini maka hilanglah tanggungjawab kepada generasi akan datang. Sedangkan mendidik anak-anak adalah masalah daruriyat. Allah SWT mencipta manusia dan menurunkan pedoman untuk mereka mengharungi kehidupan di dunia ini. Sesebuah keluarga berperanan mewujudkan suasana kerohanian, kepatuhan kepada perintah Allah SWT, penerapan nilai dan adab Islam. Antara pembentukan akhlak manusia bagi memelihara dan menjamin kesejahteraan mereka ialah seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Mu’minun (23:1-7) yang bermaksud: “Sesungguhnya berjayalah orang-orang Yang beriman, iaitu mereka Yang khusyuk Dalam sembahyangnya dan mereka Yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan Yang sia-sia dan mereka Yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu) dan mereka Yang menjaga kehormatannya kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka Sesungguhnya mereka tidak tercela, Kemudian, sesiapa Yang mengingini selain dari Yang demikian, maka merekalah orang-orang Yang melampaui batas”. Menurut Ibn Kathir (1994) dalam tafsir quran al-^cAzim, antara orang yang mendapat kejayaan dan kebahagiaan ialah orang yang memelihara kemaluan mereka daripada melakukan maksiat seperti melakukan zina, liwat, homoseksual dan sebagainya. Orang yang melakukan perkara di atas tergolong dalam golongan orang yang melampaui batas. Oleh itu, perkahwinan yang sah boleh mengelakkan manusia daripada terjerumus ke lembah maksiat dan sekaligus dapat membentuk akhlak mereka. Justeru, penulis merumuskan mewujudkan tadayyun dalam kehidupan antara maqasid perkahwinan dengan menjadikan keluarga sebagai madrasah bagi melahirkan individu-individu Muslim beridentiti Islam yang kental dan menjadi pendorong kepada perjuangan Islam.

v. **Menjamin Keutuhan Sosial & Pengembangan Keluarga dan Masyarakat Islam**

Maqasid syariah dalam pembinaan keluarga bertujuan menjamin keutuhan sosial iaitu memelihara keluarga dan masyarakat Islam. Ini adalah kerana keluarga merupakan satu faktor kesatuan masyarakat. Allah SWT menciptakan manusia berpasang-pasangan di dunia ini. Daripada penciptaan ini manusia membentuk institusi keluarga yang menjadi asas dalam sesebuah masyarakat. Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan (25:54) yang bermaksud: “Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan) dan sememangnya tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendakiNya)”. Firman Allah SWT lagi dalam surah al-Hujurat ayat (49:13) yang bermaksud: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Menurut Wahbah Zuhaili (1991) dalam *tafsir al-Munir*, kedua-dua ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT mencipta manusia daripada golongan lelaki dan perempuan serta mengembangkan mereka melalui perkahwinan. Pengembangan keluarga terbentuk dalam masyarakat dengan penciptaan keturunan daripada pihak lelaki dan berlakunya persemendaan daripada pihak perempuan. Melalui keturunan, mereka saling kenal mengenali dan berhubung antara satu sama lain. Sementara itu, melalui persemendaan pula terbinalah kasih sayang dan cinta mencintai. Dalam hal ini, kemantapan keluarga memberi kesan kepada kemantapan masyarakat dan Negara.

Sehubungan itu, Islam telah mengatur asas-asas yang kukuh dan sistematik dalam membentuk institusi keluarga sebelum dan selepas perkahwinan (Ibn °Ashur 1999) dan (Jawiah 1996). Selain itu, maqasid pembentukan institusi keluarga bertujuan melahirkan suatu ummat yang terbaik, cemerlang dan dapat mewarisi perjuangan Rasulullah SAW (Ibn °Ashur 1999). Allah SWT berfirman dalam surah ali Imran (3:110):“Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana Yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada Yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang Yang fasik”.

Berdasarkan ayat ini, Sayyid Qutb (2010), menerangkan bahawa manusia harus menerima hakikat diri mereka sebagai pimpinan yang dipilih Allah SWT kerana manusia merupakan sebaik-baik umat. Mereka harus memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu dan kemahiran untuk menerajui muka bumi ini sebagai khalifah Allah SWT. Manusia juga perlu melaksanakan amar makruf nahi mungkar serta menegakkannya di atas dasar kebaikan dan keimanan kepada Allah SWT supaya kemaslahatan manusia dan agama dapat ditegakkan.

Perkahwinan juga membentuk kekuatan hubungan kekeluargaan antara individu dalam sesebuah keluarga. Hubungan yang erat antara mereka menjamin keadaan sosial yang mantap dan kukuh. Oleh sebab itu, Islam mengambil berat tentang hubungan kekeluargaan dan persaudaraan kerana perkara ini akan menghasilkan kesan yang amat besar dalam sesebuah masyarakat (Mahmud al-Jauhari 2000). Jaminan sosial juga boleh dikaitkan dengan keharusan berpoligami bagi suami yang mampu dan memerlukannya. Keharusan berpoligami dapat meramaikan zuriat dengan kaedah yang halal dan mengembangkan umat manusia. Sehubungan itu, Islam meletakkan syarat bagi mengharuskan poligami agar kemuliaan dan hak seorang perempuan tidak diabaikan selari dengan maqasid syariah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan manusia amnya (Wan Nordin et al 2014). Maka jelaslah bahawa perkahwinan dapat mengembangkan manusia bermula dari satu keluarga kepada masyarakat, negara dan ummat. Perkahwinan juga membentuk sifat tanggungjawab kepada suami isteri dalam mendidik anak-anak menjadi sebaik-baik umat dalam menegakkan agama Allah SWT di muka bumi.

V. PENUTUP

Kesimpulannya, Setiap peraturan dan hukum yang disyariatkan oleh Islam bertujuan menjaga kebaikan dan menolak keburukan dalam semua aspek kehidupan manusia termasuk matlamat pemeliharaan institusi keluarga Islam. Setiap umat Islam khususnya pasangan yang berada di gerbang perkahwinan wajib mempelajari konsep kekeluargaan yang sebenar kerana Islam telah menentukan matlamat kehidupan rumah tangga daripada adat dan kerutinan kepada ibadat dan pengabdian serta nafsu dan mainan kepada amanah dan tanggungjawab kepada manusia. Justeru, kefahaman tentang maqasid perkahwinan dapat menyuburkan rasa tanggungjawab suami isteri dalam memikul amanah yang ditaklifkan kepada mereka.

Rujukan

1. Al-Qur'an
2. Abdullah Basmeih. 2002. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
3. Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam (terj.)*. Pustaka Nasional Singapura.
4. Abdullah Sulong & Siti Nurfairuz. t.th. *Faktor-faktor yang Mempunyai Hubungan dengan Pembentukan Keluarga Bahagia: Kajian di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan, UTM*. Fakulti Pendidikan, UTM.
5. Abdul Halim Mahmud. 1991. *Tarbiyah al-Nasyi al-Islami*. Kaherah: Dar al-Qalam.
6. Abd. Jalil Mohd Hassan. 1993. *Perkahwinan Dalam Islam (Berdasarkan Dalil, Hukum, Hikmat Dan Panduan Kebahagiaan)*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
7. Abdul Karim Zaydan. 1969. *al-Madkhal Lil Dirasat al-Shariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Dar Umar Ibn al Khattab.
8. A'dawiyah Ismail 2011. *Pembentukan Keluarga Berkualiti dalam kalangan Wanita Bekerjaya Menurut Islam: Kajian Kes Di Putrajaya*. Penerbitan: UKM, Bangi, Selangor.
9. Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Penerbitan UKM, Bangi, Selangor.
10. Abū Hāmid Al-Ghazālī. 1973. *al-Mustasfā min Ilm al-Uṣūl*. Cairo: al-Maktabah al-Tijāriyyah. Ahmad Hasan Karzun. 1997. *Mazaya Nizam al-Uṣrah fi al-Islam*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
11. Ibn ʿAshūr, Muḥammad Ṭāhir. 2001. *Maqāṣid Al-Sharīʿah Al-Islāmiyyah*. Muḥammad al-Ṭāhir Al-Maysāwī (pnyt.). Ed. ke-2. Amman: Dār al-Nafā'is.
12. Al-Ghazali. 1992. *Menyingkap Hakikat Perkahwinan*. Terj. Muhammad al-Baqir. Cetakan keempat. Bandung Penerbit Karisma.
13. Al-Ghazali. 2001. *Bimbingan Mukminin-Pada Mencari Redha Ilahi*. Terj: Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
14. Al-Kilani, Abd. Rahman Ibrahim, 2000. *Qawaid al-maqasid inda al-Imam al-Syatibi*. Damsyik, Dar al-Fikr.
15. Al-Najjār, ʿAbd al-Majīd. 2008. *Maqāṣid Al-Sharīʿah Bi Abʿād Jadīdah*.
16. Al-Raysūnī, Aḥmad. 1995. *Naẓariyyah Al-Maqāṣid ʿInda Al-Imām Al-Syāṭibī*. The International Institute of Islamic Thought.
17. Al-Shāṭibī, Ibrahīm Ibn Mūsā al-Lakhmī. 2004. *Al-Muwāfaqāt Fī Uṣūl Al-Sharīʿah*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
18. Al-Tabari, Abi Jaafar Muhammad Ibn Jarir, 1999. *Tafsir al-Tabari*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
19. Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, 2002, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Hadith.
20. Jawiah Dakir. 1996. *Asas Pembentukan Keluarga Menurut Perspektif al-Quran dan al-Sunnah, Islamiyyat 17 (1996) 3-18*
21. *Kamus Dewan*. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
22. Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al Fikr.
23. Mahmud Muhammad al-Jauhari. 2000. *Al-akhawat al-Muslimat*. Mesir: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
24. Muhammad bin Yaakub al-Firuzi al-Abadi. 1971. *al-Qamus al-Muhit*, Beirut: Muassasah Risalah.
25. Muhammad Jawad al-Faqih. 1993. *Al-Uṣrah al-Muslimah*. Beirut: Dar al-Adhwa'.
26. Mustafa al-Zarqā'. 1998. *al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*, Dar al-Qalam, Damsyik,
27. Mustafa Sa'īd al-Khan wa Muhyiddin Mastu. 1999, *al-Aqidah al-Islamiyyah Arkanuha Haqoiqaha Mafsadatuha*. Damsyik: Dar al-Kalm al-Toyyib.
28. Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho. 2002. *Fiqh Manhaji*. Pustaka Salam.
29. Ratna Roshida Abd. Razak (2007), *Jurnal Kemanusiaan bil 9 Jun 2007*.
30. Siti Shamsiah. 2017. *Muzakarah Pakar (Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Berlandaskan Maqasid al-Syariah*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
31. Su'ad Ibrahim Saleh. 1982. *Adhwa' ala Nizam al-Uṣrah Fi al-Islam*. Jeddah: Penerbitan Tihama.
32. Syed Muhammad Murtadha al-Husaini al-Zabidi (1971), *Tajul Arus min Jawahir al-Qamus*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-ʿArabi, h. 35
33. Yusuf al-Qardhāwi. (1996). *Madkhal li Ma'rifat al-Islam Muqawimatuha Khasaisuhu Ahdafuhu Masadiruhu*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 16;
34. Yusuf al-Qardhawi. (2001). *Pengantar Belajar Shari'at Islam*, Beirut, Lebanon: Muassasah Risalah.
35. Wahbah al-Zuhaili. (1991). *Tafsir al-Munir*. Jilid 13. Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
36. Wan Nordin Wan Abdullah et al. (2014), *Tafsir Maudhu'iy: kekeluargaan*, Dewan Bahasa & Pustaka

